

Golongan wanita ialah insan yang istimewa. Anjakan paradigma dan desakan globalisasi mendorong kepada peningkatan pelibatan wanita dalam pelbagai bidang dan pembangunan negara. Dengan menyordt senario yang berlaku, wanita sebenarnya mempunyai peranan yang penting dalam menentukan jatuh bangunnya sesebuah negara. Oleh hal demikian, tanggungjawab dan amanah yang digalas oleh golongan wanita, tidak seharusnya dipandang enteng dan sepi.

Sehubungan dengan hal itu, mentaliti sempit terhadap keupayaan wanita perlu diubah dengan memberikan sokongan padu terhadap pelibatan mereka dalam apa-apa jua bidang dan kepakaran. Oleh sebab itu, kredibiliti wanita kini mula diakui. Nama-nama seperti Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz (Gabenor Bank Negara), Dato' Dr. Sharifah Hapsah Hasan Shahabudin (Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia), Datuk Rafiah Salim (Naib Canselor Universiti Malaya) dan Profesor Datuk Dr. Aminah Ayob (Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris), menjadi lambang kejayaan wanita hari ini.

Peredaran masa menuntut perubahan pemikiran dan peranan wanita. Pada asasnya, wanita masih tidak dapat lari daripada fitrahnya sebagai seorang insan yang penuh dengan sifat kelembutan dan fungsi biologinya. Namun begitu, pada masa yang sama, wanita boleh juga menjadi profesional dalam pelbagai bidang profesion.

Dunia hari ini menyaksikan bahawa semakin banyak wanita yang mengeburi bidang keusahawanan. Bidang keusahawanan yang diceburi melibatkan pengeksploitasi peluang menerusi penggunaan bahan dan bakat untuk menghasilkan sesebuah produk baharu atau menyediakan perkhidmatan baharu. Pelibatan wanita dalam pasaran kerja tempatan turut mempengaruhi pembangunan negara.

Mereka mewarisi bakat wanita Islam zaman dahulu seperti Sayidatina Khadijah binti Khuwalid dan Shifa' binti Abdul yang merupakan contoh



SUMBANGAN WANITA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA

Oleh Mohd. Noor Azli Ali Khan dan Norhayati Salleh



Jadual Sumbangan wanita era kini.

Bil.	Butiran	Jumlah
1.	Bilangan pelajar wanita berbanding dengan pelajar lelaki di IPT.	mencecah 80 peratus
2.	Perwakilan wanita di Dewan Rakyat.	9.6 peratus
3.	Di peringkat sektor awam, bilangan ketua setiausaha wanita dalam 28 kementerian yang sedia ada.	3 orang
4.	Bilangan pengundi berdaftar, setakat Mac 2007.	50.2 peratus atau 5.2 juta
5.	Bilangan wanita daripada penduduk Malaysia.	13.1 juta
6.	Bilangan wanita dalam kumpulan umur bekerja, iaitu 15 hingga 64 tahun.	8.3 juta
7.	Jumlah bilangan wanita dalam bidang profesional: <ul style="list-style-type: none"> • Doktor gigi • Peguam • Akauntan • Doktor perubatan • Doktor haiwan • Juruukur bahan 	56.2 peratus 45.7 peratus 44.0 peratus 47.2 peratus 34.3 peratus 33.9 peratus

Sumber: Ucapan Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, sambutan Hari Wanita 2007.

peniaga dan pengurus perniagaan yang berjaya. Nama tokoh wanita Islam yang lain seperti Saidatina Aisyah, Fatimah Abu Sufyan, Ummu Salamah dan Zainab al-Ghazali menjadi sebutan kerana sumbangan mereka terhadap pembangunan Islam amnya dan pembangunan ummah khususnya yang begitu terserlah. Mereka membuktikan bahawa keupayaan wanita Islam zaman dahulu bukanlah calang-calang orangnya.

Mereka turut mampu menjadi suri teladan kepada sumbangan wanita dalam bidang keusahawanan. Justeru, kecenderungan dan usaha wanita masa kini dalam merencanakan pembangunan negara tidak harus dipertikaikan lagi. Sebagai usahawan, wanita yang berkemampuan mempunyai peluang yang lebih baik untuk menikmati kehidupan yang lebih selesa. Selain itu, terdapat sebuah hadis lain yang mengatakan bahawa 9/10 daripada rezeki datangnya daripada perniagaan. Oleh hal yang demikian, bagi wanita yang mempunyai kemahiran

dan kecekapan, galakan haruslah diberikan kepada mereka untuk menjadi usahawan atau melibatkan diri dengan pelbagai aktiviti perniagaan yang lain.

"Wanita Nadi Negara" begitulah tema hari wanita tahun 2007 ini. Selaras dengan tema tersebut, wanita hari ini didapati turut tidak ketinggalan dalam memberikan sumbangan kepada pembangunan negara. Dari sudut sosioekonomi, pelibatan wanita dalam industri kecil-kecilan dan pembuatan kraf tangan turut mempengaruhi peningkatan taraf hidup mereka.

Penghasilan pelbagai produk terus bertambah dan berubah dari segi bentuk, jenis, saiz dan warna, sejajar dengan peredaran masa. Keadaan ini berupaya menjana aktiviti yang mendatangkan pendapatan yang boleh membantu memperbaiki kedudukan ekonomi keluarga dan masyarakat.

Selain itu, untuk memastikan perniagaan mereka maju, usahawan wanita perlu digalakkan lagi supaya

mewujudkan jaringan kerja bagi membantu usahawan wanita yang lain. Jaringan kerja itu boleh menyediakan program latihan dan perkhidmatan bagi wanita yang memerlukan, di samping memperkenalkan penggunaan teknologi baharu untuk memodenkan pengurusan atau perjalanan perniagaan mereka.

Sungguhpun industri tersebut mungkin dijalankan secara kecil-kecilan atau hanya dalam sebuah kumpulan, hal ini mampu membantu meningkatkan pendapatan keluarga dan seterusnya memberikan sumbangan kepada pertambahan pendapatan negara.

Dengan merujuk kepada Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), pelbagai program latihan kemahiran dan keusahawanan dilaksanakan bagi membolehkan wanita memajukan diri dan mengambil peluang dalam pasaran pekerjaan. Sebanyak 3000 orang usahawan mendapat manfaat daripada program ini, terutamanya dalam kalangan penerima pinjaman Yayasan Tekun Nasional (YTN).

Program yang sama juga dilaksanakan di bawah Program Keusahawanan Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang menyediakan latihan kepada 8000 orang wanita. Di samping itu, program latihan dilaksanakan bagi membantu usahawan wanita untuk menaik taraf perniagaan mereka ke peringkat enterprise kecil dan sederhana (EKS).

Di bawah program Pembangunan Keusahawanan Pertanian pula, sebanyak 154 bengkel latihan dikendalikan yang dapat dimanfaatkan oleh 6328 orang wanita. Hasil daripada program ini, golongan wanita yang menyertai industri makanan berasaskan pertanian dapat menghasilkan jumlah jualan sebanyak RM94.1 juta. Pelbagai usaha dilakukan bagi melengkapkan wanita dengan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Program seperti internet desa dan e-Industri Desa turut dilaksanakan.

Sehubungan dengan hal itu, merujuk kepada ucapan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk

Seri Shahrizat Abdul Jalil, bersempena dengan perhimpunan Hari Wanita 2007, beliau mengingatkan agar wanita tidak terus leka dan selesa dengan apa-apa yang berjaya dicapai hari ini. Beliau turut menegaskan bahawa masih banyak agenda dan isu wanita yang perlu diperjuangkan, terutama dari segi hak sebagai pembuat keputusan pada peringkat kabinet, sektor awam dan korporat.

Hal ini dapat dilihat apabila masih banyak jawatan pada peringkat itu dimonopoli oleh golongan lelaki, walaupun jumlah wanita yang berpendidikan tinggi semakin banyak. Malah, di peringkat institusi pengajian tinggi (IPT), bilangan pelajar wanita lebih banyak daripada pelajar lelaki sehingga mencecah nisbah 80 peratus berbanding dengan pelajar lelaki.


Bagi wanita Malaysia, merdeka dicapai detik demi detik dan setiap langkah mendekati mereka kepada kebebasan yang lebih bermakna daripada kemiskinan, kesaksamaan hak dan keadilan. Tahun demi tahun, bersama-sama pemimpin pertubuhan bukan kerajaan (NGO), aktivis dan pejuang wanita, orang perseorangan dan golongan bapa, kerajaan komited dalam menentukan nasib wanita Malaysia agar sentiasa terbelah.

"Suatu ketika dahulu, kita berjuang demi hal ehwal wanita, seperti isu asas hak wanita untuk bekerja, gaji sama rata dan hak untuk mengundi. Apabila Malaysia pesat membangun, kita mempersoalkan dan memperjuangkan hak wanita dalam pembangunan. Wanita tidak mahu ketinggalan dalam mengejar kemakmuran dan kejayaan negara," tegas Shahrizat lagi.

Sementara itu, Jadual 1 menunjukkan bahawa wanita era kini di Malaysia mempunyai sumbangan yang signifikan dalam pembangunan negara.

Malaysia amat bertuah kerana sumbangan yang diberikan oleh golongan wanita di negara ini kebanyakannya terdiri daripada golongan ibu. Tegasnya, kemampuan wanita tidak harus dipandang sebagai isu gender. Setelah 50 tahun Malaysia mencapai merdeka, wanita Malaysia

Di peringkat institusi pengajian tinggi (IPT), bilangan pelajar wanita lebih banyak daripada pelajar lelaki sehingga mencecah nisbah 80 peratus berbanding dengan pelajar lelaki.



dari awal perjuangan mencapai kemerdekaan sehinggalah hari ini, seiring sejalan dan berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan golongan lelaki untuk memastikan agar Malaysia kekal sebagai sebuah negara yang aman, makmur, maju dan berdaulat. ■